

# Sebuah lagi sekolah undang-undang di sini

Pemerintah terima usul panel yang dibentuk bagi teliti bekalan peguam di Singapura

► NUR DHUHA ESOOF  
nurdhuha@sph.com.sg

PEMERINTAH telah menerima saranan-saranan yang diusulkan sebuah jawatankuasa yang dibentuk untuk meneliti bekalan peguam di Singapura.

Ini termasuk saranan penubuhan sebuah lagi sekolah undang-undang di sini.

Tidak seperti sekolah undang-undang di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan Universiti Nasional Singapura (NUS), sekolah undang-undang ketiga itu akan memberi tumpuan melatih pelajar yang berminat berkhidmat dalam perundangan jenayah dan keluarga.

Saranan itu dibuat menyusuli pemerhatian Jawatankuasa Bekalan Peguam Keempat bahawa terdapat kekurangan peguam yang menceburi bidang perundangan tersebut.

Demikian diumumkan oleh Menteri Undang-Undang, Encik K. Shanmugam, dalam satu sidang akhbar semalam.

Sebagai permulaan, sekolah tersebut akan menerima sekitar 75 pelajar setiap tahun dan boleh

menawarkan program Sarjana Muda Undang-Undang secara separuh dan sepenuh masa untuk mahasiswa dan siswazah.

Ia akan memberi tumpuan kepada pengambilan pelajar yang terdiri daripada orang dewasa yang ingin menukar pekerjaan dan akan menawarkan tempat terhadap lepasan GCE Peringkat 'A' yang berminat berkhidmat dalam perundangan jenayah dan keluarga.

"Berbeza daripada sekolah undang-undang di SMU dan NUS, sekolah ketiga ini dikhususkan lebih kepada pelajar matang yang bekerjaya dan kini mahu memilih pekerjaan dalam bidang perundangan sebagai kerjaya kedua mereka.

"Selain itu, kami juga mendapati para graduan yang dihasilkan NUS dan SMU lebih cenderung ke arah perundangan korporat. Firma-firma kecil yang memberi khidmat perundangan jenayah dan keluarga menghadapi kesukaran mendapatkan peguam. Jadi satu lagi tujuan menubuhkan sekolah ketiga juga adalah untuk mencari pelajar yang berminat menjadi peguam dalam sektor perundangan jenayah dan keluarga bagi mengisi kekosongan itu," kata Encik Shanmugam.

Saranan tersebut adalah satu daripada enam saranan yang diusulkan jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Hakim V. K. Rajah itu.

Jawatankuasa tersebut dibentuk oleh Kementerian Undang-Undang tahun lalu sebagai sebahagian daripada semakan yang dilakukan dari masa ke masa untuk memastikan bekalan peguam seiring dengan permintaan.

Bagi memastikan permintaan bagi peguam yang berkelulusan setempat dapat dipenuhi, jawatankuasa tersebut menyarankan agar kemasukan pelajar perundangan ke SMU setiap tahun dinaikkan daripada 120 pelajar kepada 180 pelajar dalam masa tiga tahun akan datang.

Ia juga menyarankan agar senarai universiti-universiti luar negara terjadual (OSU) disemak dan dikemas kini setiap lima tahun.

OSU menawarkan ijazah undang-undang yang tersenarai dalam jadual Peraturan Profesion Perundangan (Orang Berkelayakan) dan diiktiraf bagi tujuan kemasukan ke Badan Peguam Singapura (Singapore Bar).


Jawatankuasa itu turut menyarankan agar program dwijazah yang ditawarkan OSU diiktiraf tertakluk pada kriteria yang ditetapkan.

Ia juga mengusulkan agar dasar-dasar berkaitan klasifikasi ijazah minimum dan tiada pengiktirafan bagi ijazah undang-undang dari luar negara yang sedia ada dikekalkan.

Bagi menangani kadar pemberhentian di kalangan karyawan perundangan, jawatankuasa tersebut menyarankan agar SMU dan NUS mengenalkan program bagi membantu pelajar undang-undang lebih menyiapkan diri untuk berkhidmat.

Jawatankuasa itu juga menyarankan kepada firma-firma guaman agar membaiki keseimbangan kerja-kehidupan dengan menggalakkan amalan kerja yang lebih fleksibel.

Kadar pemberhentian didapati paling tinggi antara tahun kedua dan kelima perkhidmatan dalam bidang perundangan.



"Berbeza daripada sekolah undang-undang di SMU dan NUS, sekolah ketiga ini dikhususkan lebih kepada pelajar matang yang bekerjaya dan kini mahu memilih pekerjaan dalam bidang perundangan sebagai kerjaya kedua mereka."

– Encik K. Shanmugam (*atas*).